



SIARAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN TAHUN 2023 SUNTIK SEMANGAT KERJA WARGA KPKT UNTUK LEBIH CEMERLANG DAN PRODUKTIF

PUTRAJAYA, 28 Mei 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menyampaikan **Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)** dan **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** kepada **403 orang penerima** di Majlis Apresiasi Kecemerlangan Tahun 2023 KPKT bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya pada hari ini.

Majlis Apresiasi Kecemerlangan Tahun 2023 KPKT ini diadakan bertujuan untuk menzahirkan pengiktirafan dan penghargaan kepada seluruh warga KPKT yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang sepanjang tahun 2023. **Seramai 403 penerima terdiri daripada seorang penerima PPC dan 402 orang penerima APC** terdiri daripada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPKT terlibat dalam majlis ini.

Penerima PPC, **PBK II Syafiq bin Mohamad** merupakan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang telah dipilih berdasarkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang diamanahkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi termasuk aktiviti kesukarelawan, persatuan, kelab, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang berjaya mengharumkan nama organisasi dan negara.

Pada majlis tersebut, bilangan penerima APC paling tinggi adalah terdiri daripada warga Kementerian iaitu seramai 88 orang. Ini diikuti dengan bilangan penerima kedua tertinggi iaitu seramai 87 orang daripada kakitangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan anggota JBPM seramai 83 orang. Selain itu, penerima juga adalah termasuk pegawai daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

(PLANMalaysia) (56 orang), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) (31 orang), Jabatan Perumahan Negara (JPN) (27 orang), Jabatan Landskap Negara (JLN) (12 orang), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) (8 orang), Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) (8 orang) dan Institut Latihan Pembangunan Kerajaan Tempatan (I-KPKT) (2 orang).

Menurut YB KM, “Kita semua perlu berganding bahu demi mencapai tahap kecekapan dan kualiti yang tinggi melalui tiga elemen utama penentu kejayaan iaitu perancangan tersusun, pelaksanaan yang cepat dan pelan komunikasi berkesan. Seluruh warga kerja KPKT diharap dapat meneruskan kerjasama yang baik dan erat serta sentiasa menyokong di antara satu sama lain. Kebersamaan dan permuafakatan dalam melaksanakan tanggungjawab yang digalas akan membuahkan hasil yang cemerlang.”

Beliau turut menyeru kepada semua warga KPKT untuk **melengkapkan diri dengan kemahiran berpandukan teknologi** terkini selain ilmu pengetahuan agar perkhidmatan Kerajaan kekal relevan dan progresif kerana ekspektasi pelanggan atau rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin tinggi.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib serta barisan pengurusan tertinggi KPKT.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

